

MODUL CEMERLANG SET 3		
TINGKATAN	PELAJARAN	TAJUK
4	PELAJARAN 5	Tanggungjawab memelihara dan memulihara alam
4	PELAJARAN 6	Kedudukan Wahyu dan Akal
4	PELAJARAN 7	Bimbingan Al Quran
4	PELAJARAN 8	Bimbingan Hadis
5	PELAJARAN 3	Islam dan Pekerjaan
5	PELAJARAN 4	Falsafah dan Sistem Muamalah Islam

PELAJARAN 5 – TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MEMULIHARA ALAM

- 1 Memelihara alam bermaksud
 - I menjaga alam
 - II membela alam
 - III melindungi alam
 - IV memulihkan alam
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV


- 2 Memulihara alam bermaksud
 - A menjaga alam daripada pencemaran
 - B membela alam dari sebarang kemusnahan
 - C mengembalikan alam kepada habitat asalnya
 - D melindungi alam daripada sebarang kerosakan

- 3 Kerosakan alam berpunca daripada
 - I kerosakan tanah dan menebang pokok-pokok
 - II pengurusan alam menurut peraturan Allah SWT
 - III perburuan dan pembunuhan haiwan
 - IV pencemaran air, udara dan bunyi
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 4 Manakah antara berikut merupakan cara memulihara alam?
 - I Merancang kawasan pembangunan dan perindustrian
 - II Membersihkan sungai-sungai daripada kekotoran
 - III Menanam semula pokok-pokok yang ditebang
 - IV Mengawal pencemaran udara
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 5 Keindahan alam bukti kepada
 I kekuasaan Allah SWT
 II keampunan Allah SWT
 III kebijaksanaan Allah SWT
 IV kesempurnaan Allah SWT
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

Carta di bawah berkaitan tanggungjawab khalifah Allah SWT terhadap alam.



6 Tanggungjawab X ialah : _____

7 Tanggungjawab Y ialah : _____

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
 Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

- 8 Sikap rakus dan tidak amanah dalam mengurus alam adalah punca utama berlakunya kerosakan dan bencana alam.
- 9 Perbuatan merosakkan alam akan menguntungkan manusia.
- 10 Memulihara alam bermaksud memakmur alam dengan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

JAWAPAN PELAJARAN 5			
1	A	6	Memelihara
2	C	7	Memulihara
3	C	8	✓
4	B	9	X
5	C	10	✓
			10

KERTAS 2

1 (a) (i) Senaraikan **dua** tanggungjawab manusia terhadap alam [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** sumbangan alam terhadap manusia [4 markah]

(b) Terangkan **dua** hikmah memelihara dan memulihara alam [4 markah]

1 (a) (i)	<ul style="list-style-type: none"> - Memelihara alam daripada kemusnahan. - Memulihara alam - Memakmurkan alam
1 (a) (ii)	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan keperluan makanan / minuman - Mengekalkan sistem semulajadi - Memudahkan pergerakan manusia - Menstabilkan cuaca / iklim bumi - Mengawal pencemaran udara
1 (b)	<ul style="list-style-type: none"> - Dapat mengawal suhu / cuaca bumi/ (I) daripada kerosakan/ (H) - Dapat mengawal bencana alam/ (I) seperti banjir dan tanah Runtuh/ (H) - Mengelakkan pupusnya habitat tumbuhan dan haiwan/ (I) melalui penguatkuasaan undang-undang /(H). - Dapat mengekalkan keindahan alam sekitar /(I) yang bersih dan indah /(H) - Dapat menjadikan hidup manusia lebih tenteram/ nyaman /(I) untuk didiami/ (H)

PELAJARAN 6 - KEDUDUKAN WAHYA DAN AKAL

1. Perkara berikut adalah benar mengenai akal **kecuali**...
 - A terdedah kepada salah dan silap.
 - B dimiliki oleh semua makhluk.
 - C mudah berubah-berubah.
 - D bersifat sementara

2. Wahyu diturunkan kepada nabi dan rasul melalui
 - I perantaraan malaikat Jibril.
 - II perantaraan wali Allah.
 - III mimpi yang benar.
 - IV di sebalik tabir.
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

3. Bukti kebenaran wahyu ialah
 - A membawa rahmat kepada umat Islam
 - B terjamin daripada sebarang pemalsuan
 - C diturunkan kepada nabi dan rasul yang terpilih
 - D hanya diturunkan untuk Nabi Muhammad S.A.W.

4. Ciri-ciri wahyu ialah
 - I tidak berubah
 - II dimiliki oleh semua manusia
 - III menerangkan perkara sam'iyat
 - IV disampaikan kepada Nabi dan Rasul
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5. Tujuan wahyu al-Quran diturunkan adalah untuk
 - A Membimbing akal untuk mengenal Allah
 - B Memperoleh kebahagiaan hidup di dunia
 - C Berpegang dan beramal dengan al-Quran
 - D Menyempurnakan penurunan wahyu terakhir

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | |
|----|--|--|
| 6 | Ilham atau perintah daripada Allah s.w.t. yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan Malaikat Jibril atau terus daripada Allah s.w.t. | |
| 7 | Ilmu Allah s.w.t. yang hakiki, qadim, kekal dan mutlak | |
| 8 | Fahaman yang memisahkan nilai-nilai agama dengan kehidupan | |
| 9 | Fahaman yang mahukan demokrasi dan kebebasan dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial | |
| 10 | Ilmu yang berkaitan hidup di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam | |

JAWAPAN PELAJARAN 6				
1	B	6	Wahyu	10
2	C	7	Azali	
3	B	8	Sekularisme	
4	C	9	Liberalisme	
5	A	10	Fardhu Kifayah	

KERTAS 2

- 1 a. (i) Apakah pengertian wahyu ?

2 markah

- (ii) Jelaskan **dua** cara wahyu diturunkan?

4 markah

a. _____

b. _____

b. Jelaskan **tiga** keistimewaan al-Quran sebagai sumber ilmu ? 6 markah

a. _____

b. _____

c. _____

1	a.	(i)	<p>Pengertian wahyu</p> <p>Istilah : Ilham/perintah daripada Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan Malaikat Jibril atau terus daripada Allah SWT.</p>	2m
		(ii)	<p>Dua cara wahyu diturunkan</p> <p>Dua cara wahyu diturunkan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melalui mimpi (I) / yang benar (H) - Rasulullah mendengar bunyi (I) / seperti deringan loceng (H) - Melalui malaikat Jibril yang datang menyerupai manusia - Allah SWT berkata-kata dengan Rasulullah SAW - Melalui suara disebalik tabir - Malaikat Jibril datang dengan rupa yang asal. 	4m
	b.		<p>Tiga keistimewaan al-Quran sebagai sumber ilmu</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ia mengandungi pelbagai ilmu /(I) untuk manusia menimbanya/ (H) - Ia merupakan rahmat /(I) kepada orang yang beriman /(H) - Ia tidak dapat ditandingi/ (I) oleh mana-mana kitab/(H) - Ia terjamin daripada sebarang perubahan / pemalsuan /(I) hingga hari kiamat /(H) - Ia menjawab semua permasalahan /(I) yang berlaku dalam kehidupan manusia /(H) 	6m

PELAJARAN 7 - BIMBINGAN AL QURAN

- 1 Al-Quran ialah pelengkap kepada semua kitab suci terdahulu khususnya dalam aspek _
 - A ayat dan baris
 - B lafaz dan hukum
 - C susunan dan bunyi
 - D kandungan dan hujah

- 2 Antara perbuatan manusia yang dilarang oleh Allah SWT .ialah
 - I mengambil harta orang lain tanpa kebenaran
 - II membawa telefon bimbit ke sekolah
 - III menindik telinga bagi perempuan
 - IV membuang bayi yang baru lahir
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 3 Berikut merupakan perkara yang berkaitan dengan al-Quran, **kecuali**
 - A Kalam Allah s.w.t. yang mulia
 - B Dipindahkan secara musyafahah
 - C Lafaz maknanya daripada Allah s.w.t.
 - D Membacanya dianggap sebagai ibadat

- 4 Isi kandungan al-Quran merangkumi
 - I peraturan hidup
 - II panduan akhlak
 - III ilmu pengetahuan
 - IV ilmu menghibur diri
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 5 Wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW adalah berkaitan dengan ____
 - A menuntut ilmu
 - B menunaikan ibadat
 - C melaksanakan hukum
 - D menjauhi perkara syirik

Lengkapkan pernyataan berikut

- 6 Kitab al-Quran merupakan salah satu daripada kitab _____ yang diturunkan oleh Allah SWT
- 7 Al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia dan _____.
- 8 Membaca _____ merupakan satu ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT
- 9 _____ ialah naskah al-Quran yang bertulis tangan atau bercetak.
- 10 Susunan surah yang pertama di dalam al-Quran ialah surah _____

JAWAPAN PELAJARAN 7				
1	D	6	Samawi	10
2	D	7	Jin	
3	B	8	al-Quran	
4	A	9	Mushaf	
5	A	10	al-Fatihah	

KERTAS 2

- 1 a. (i) Nyatakan pengertian al-Quran dengan lengkap? 2 markah

- (ii) Nyatakan **dua** kesan penghayatan al-Quran kepada masyarakat? 4 markah
a. _____
b. _____
- b. Jelaskan **dua** sebab al-Quran dipelihara oleh Allah SWT sehingga hari kiamat? 4 markah
a. _____
b. _____

1	a.	(i)	Pengertian al-Quran Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril untuk disampaikan kepada umat manusia.	2m
		(ii)	Kesan penghayatan al-Quran kepada masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan individu yang bertanggungjawab. - Membentuk individu berakhlak mulia. - Melahirkan masyarakat yang saling berkerjasama. - Melahirkan masyarakat yang taat pada perintah Allah. - Mencegah kemungkaran. - Mengamalkan kebaikan. 	4m
	b.		Sebab al-Quran dipelihara oleh Allah SWT sehingga hari kiamat: <ul style="list-style-type: none"> - Menjadi panduan umat akhir zaman/ (I) kerana Nabi Muhammad rasul terakhir /(H) - Menjadi bimbingan kepada manusia /(I) untuk menyelesaikan permasalahan hidup /(I) - Menjadi rujukan manusia /(I) untuk mengetahui pelbagai ilmu pengetahuan /(H) - Menjadi penawar kepada manusia /(I) untuk mengubati pelbagai penyakit /(H) - Menjadi rahmat kepada manusia /(I) di dunia dan akhirat /(H) - Menjadi bukti kekuasaan Allah SWT /(I) untuk memelihara al-Quran hingga kiamat /(H) 	4m

PELAJARAN 8 BIMBINGAN AL HADIS

- 1 Khalid al-Walid pernah memakan dhob, kemudian ditanya kepada Rasulullah SAW Baginda sendiri enggan memakannya. Maka para sahabat bertanya; adakah haram memakannya? Baginda menjawab "Tidak! cuma binatang itu tidak ada di negeri kaumku, kerana itulah aku tidak gemar kepadanya".
(Maksud hadis)

Hadis di atas berbentuk

- A Perbuatan rasulullah s.a.w.
 B Pengakuan rasulullah s.a.w.
 C Percakapan rasulullah s.a.w.
 D Pelaksanaan rasulullah s.a.w.
- 2 Pernyataan berikut adalah benar mengenai peranan hadis, **kecuali**
 A menjadi sumber rujukan yang pertama
 B menguatkan nas al-Quran yang ringkas
 C menentukan maksud nas al-Quran yang umum
 D menguatkan hukum-hukum yang telah ditetapkan al-Quran
- 3 Ciri-ciri perawi hadis Dhaif ialah _____
 I Perawi yang thiqah
 II Perawi yang lemah
 III Perawi yang fasik
 IV Perawi yang adil

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

4 "Sesungguhnya setiap amalan itu dimulakan dengan niat" (Maksud hadis)

Pernyataan di atas merujuk kepada hadis berbentuk _____

- A Perbuatan
- B Perkataan
- C Pengakuan
- D perbuatan dan pengakuan

5 Diriwayatkan oleh seorang yang dituduh pendusta, melakukan perbuatan fasik dan pelupa.

Ciri-ciri di atas adalah gambaran bagi hadis jenis _____

- A Syaz
- B Sahih
- C Dhaif
- D Hasan

Lengkapkan pernyataan berikut.

6 Fahaman _____ ialah fahaman yang menolak hadis.

7 Antara kepentingan hadis ialah _____ hukum-hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran.

8 Hadis yang diriwayatkan oleh golongan yang dituduh pendusta adalah termasuk dalam jenis hadis _____.

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

9 Orang yang dipercayai, adil, amanah serta menjauhi perkara-perkara maksiat.

10 Orang yang cukup kuat ingatan.

JAWAPAN PELAJARAN 8				
1	B	6	Anti hadis	10
2	A	7	Menguatkan / memperkukuhkan / memantapkan	
3	B	8	Dhaif	
4	B	9	Thiqah	
5	C	10	Dhabit	

KERTAS 2

1 a. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan hadis?

_____ 2 markah

(ii) Jelaskan **dua** langkah yang perlu dilakukan supaya hadis sentiasa dihayati oleh umat Islam? 4 markah

a. _____
 b. _____

b. Huraikankan **dua** kesan fahaman antihadis kepada masyarakat? 4 markah

a. _____
 b. _____

1	a.	(i)	Pengertian hadis: - Sesuatu yang diterima daripada Rasulullah SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan dan pengakuan baginda .	2m
		(ii)	Langkah yang perlu dilakukan supaya hadis sentiasa dihayati oleh umat Islam: - Mengadakan kempen cintai hadis / (I) agar orang ramai sedarkan kepentingan hadis di dalam kehidupan mereka./ (H) - Menanamkan sifat cintai hadis / (I) di dalam diri anak-anak sejak dari kecil lagi./ (H) - Menterjemah kitab hadis dalam Bahasa Melayu / (I) agar lebih difahami / (H) - Mewajibkan pelajar islam / (I) mempelajari hadis di sekolah / (H)	4m

	b.	<p>Kesan fahaman antihadis kepada masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hilang rasa hormat terhadap nabi /(I) yang menjadi pilihan Allah sebagai utusan-Nya /(H) - Umat Islam akan berpecah belah /(I) jika banyak pendapat dalam menafsirkan hal-hal agama /(H) - Umat Islam tidak mampu memahami ajaran al-Quran yang umum /(I) contohnya cara solat /(H) 	4m
--	----	---	----

PELAJARAN 3 : ISLAM DAN PEKERJAAN

1 Berikut adalah kebaikan Islam menggalakkan umatnya bekerja **kecuali**

- A. Memenuhi masa lapang
- B. Membolehkan seseorang itu berdikari
- C. Mengurangkan masalah pengangguran
- D. Meningkatkan taraf hidup seseorang

2 Matlamat bekerja menurut Islam ialah

- A. Mematuhi arahan ketua
- B. Membangunkan ekonomi diri
- C. Meningkatkan kepentingan awam
- D. Menzahirkan keikhlasan kerana Allah SWT

3 Manakah ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam?

- I. Pekerjaan yang mudah dilakukan
 - II. Pekerjaan yang memenuhi kehendak syarak
 - III. Pekerjaan yang tidak mencemarkan alam sekitar
 - IV. Pekerjaan yang tidak mengganggu ketenteraman awam
- A. I,II dan III
 - B. I,II dan IV
 - C. I,III dan IV
 - D. II,III dan IV

- Bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT
- Bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh
- Sentiasa meningkatkan produktiviti yang berkualiti

4 Pernyataan dia atas merujuk kepada

- A. Etika kerja dalam Islam
- B. Tuntutan bekerja dalam Islam
- C. Ciri-ciri pekerjaan dalam Islam
- D. Matlamat bekerja dalam Islam

- 5 Antara yang berikut yang manakah syarat pekerjaan menjadi ibadat?
- Meningkatkan mutu barangan yang berkualiti
 - Mengurangkan kos pengeluaran sesuatu barang
 - Pekerjaan itu tidak mengganggu kepentingan awam
 - Pelanggan akan terus melanggan barang yang dikeluarkan

Soalan 6 hingga 7

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 6 Orang yang bekerja dipandang _____ dan dikasihi oleh Allah SWT.
- 7 Menceburi bidang pekerjaan yang _____ menyebabkan seseorang itu dimuliakan oleh masyarakat.
- 8 Pekerjaan yang halal akan mendapat _____ daripada Allah.

Soalan 9 dan 10.

Lengkapkan jadual di bawah mengenai perbezaan antara bekerja sendiri dengan makan gaji.

Bekerja Sendiri	Bekerja Makan Gaji
9.	Tiada risiko untung rugi
Pendapatan berdasarkan keuntungan.	10.

JAWAPAN PELAJARAN 3				
1	A	6	Mulia	10
2	B	7	Halal	
3	D	8	Keredhaan	
4	A	9	Ada risiko untung rugi	
5	C	10	Pendapatan mengikut gaji bulanan	

KERTAS 2

1 (a) (i) Nyatakan pengertian bekerja kerana Allah. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** etika kerja Islam yang dapat memenuhi syarat-syarat pekerjaan jadi ibadah. [4 markah]

(b) Jelaskan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah terhadap hasil kerja. [4 markah]

1	(a)	(i)	Satu kegiatan yang dilakukan secara berterusan untuk mencari nafkah kerana Allah	2 x 1 [2 markah]
		(ii)	Etika kerja yang telah ditetapkan oleh Islam: <ul style="list-style-type: none"> - Bekerja dengan ikhlas (I) kerana Allah (H) - Amanah semasa bekerja (I) agar lebih dihormati. (H) - Patuh arahan ketua (I) agar lebih dipercayai.(H) - Meningkatkan produktiviti (I) yang lebih berkualiti.(H) 	2 X 2 [4 markah]
	(b)		Kelebihan bekerja kerana Allah terhadap hasil kerja. <ul style="list-style-type: none"> - Menghasilkan produk berkualiti/baik (I) agar disukai pembeli (H) - Mutu barang berkualiti meningkat(I) kerana dapat memuaskan hati pelanggan (H) - Kos pengeluaran suatu barang dapat dikurangkan(I) kerana barang berkualiti (H) 	1 isi 1 huraian 2 x 2m [4 markah]

PELAJARAN 4- FALSAFAH DAN SISTEM MUAMALAH ISLAM

Diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar:
“Bahawasanya Rasulullah SAW melarang menjual atau membeli anak binatang ternakan yang masih dalam kandungan ibunya...”

(al-Bukhari)


1. Hadis di atas menerangkan muamalah yang dilarang dalam Islam kerana
- A. Mengamalkan unsur riba
 - B. Mengandungi unsur manipulasi
 - C. Tidak melaksanakan akad jual beli
 - D. Menjual barangan yang belum pasti

S13 SPM 2007

Kegiatan muamalah Islam mengutamakan konsep ta'awun

2. Kenyataan manakah menerangkan konsep di atas?
- A. Seseorang itu mudah mendapat harta yang diinginkan
 - B. Masyarakat hanya mementingkan kehidupan duniawi
 - C. Semangat ta'awun akan berkembang dalam masyarakat
 - D. Pemegang gadai dapat membantu orang yang dalam kesusahan

S10 SPM 2005



3. Dalam rajah di atas, Y ialah
- A. Mengurangkan gejala sosial
 - B. Meningkatkan keyakinan diri
 - C. Melahirkan semangat tolong-menolong
 - D. Memastikan keuntungan yang berterusan

S12 SPM 2007

- Mengeratkan hubungan persaudaraan
- Melahirkan semangat tolong-menolong
- Membangunkan ekonomi dengan cara yang diredhai oleh Allah SWT

- 4 Pernyataan di atas menerangkan
- A. Tujuan muamalah
 - B. Sistem muamalah
 - C. Ciri-ciri muamalah
 - D. Peraturan muamalah

S6 SPM 2010

- 5 Apakah implikasi pengabaian muamalah Islam terhadap sesebuah masyarakat?
- I. Mementingkan diri sendiri
 - II. Berlaku kemelesatan ekonomi
 - III. Menimbulkan permusuhan dan pergaduhan
 - IV. Menghilangkan semangat bekerjasama dan bantu-membantu
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

ar-Rahn

al-Ijarah

at-Takaful

al-Murabahah

al-Wadiah

al-Musyarakah

- 6 Membayar dengan bayaran tertentu terhadap sesuatu barang yang membolehkan seseorang itu mengambil manfaat dari harta milik orang lain. _____
- 7 Pemilik kereta menyertai satu sistem untuk melindungi keretanya apabila ditimpa kemalangan. _____
- 8 Peniaga mencagarkan barang kemas kepada pihak tertentu untuk menambahkan modal. _____
- 9 Dua orang berkongsi modal untuk sama-sama berkongsi keuntungan dalam kegiatan ekonomi. _____
- 10 Ahmad menjual rumahnya dengan mengambil keuntungan sebanyak 10 % dari harga asal rumah tersebut. _____

JAWAPAN PELAJARAN 4			
1	D	6	Al-Ijarah
2	D	7	At-Takaful
3	C	8	Al-Rahn
4	A	9	Al-Musyarakah
5	C	10	Al-Murabahah
			10

KERTAS 2

- 1 Nyatakan **dua** ciri muamalah Islam. [2 markah]

- 2 Terangkan **dua** syarat sah muamalah secara am. [4 markah]

- 3 Terangkan **dua** jenis kegiatan muamalah Islam yang mengandungi konsep “At-Taawun”. [4 markah]

JAWAPAN PELAJARAN 4: KERTAS 2

1	Ciri-ciri muamalah Islam <ul style="list-style-type: none"> • Tidak membebankan • Adil kepada semua pihak • Memberi faedah kepada semua pihak • Tidak berlaku penipuan 	[2 markah]
2	Syarat sah muamalah secara am <ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan antara kedua-dua belah pihak(I) yang menjalankan transaksi ijab dan kabul(H) • Pihak yang melakukan transaksi muamalah mestilah waras(I) dan sempurna akal(H) • Transaksi yang dilakukan mestilah bersih(I) daripada unsur-unsur penipuan(H) 	[4 markah]
3	Kegiatan muamalah yang mengandungi konsep “At-Taawun” <ul style="list-style-type: none"> • Al-Ijarah (sewa menyewa)(I) membentuk semangat tolong menolong dapat dilahirkan seperti menyewa rumah.(H) • Al-Bai (jual beli), membantu pembeli (I) untuk mendapatkan keperluan mereka.(H) • Ar-Rahn (pajak gadai), membantu penggadai yang dalam kesusahan(I) untuk dapatkan wang segera(H) 	[4 markah]